

DATE: 19/10/2007

Kemajuan Malaysia menakjubkan – UNESCO

PARIS 18 Okt. – Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang menakjubkan sejak negara itu mencapai kemerdekaan 50 tahun lepas dan ia perlu dicontohi yang lain, kata Naib Presiden Persidangan Agung Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Andras Lakatos.

“Saya telah melawat negara anda lima tahun lepas... pembangunannya adalah sesuatu yang menakjubkan,” katanya kepada *Bernama* dalam temubual di Ibu Pejabat UNESCO.

Ditanya sama ada langkah Malaysia menghantar angkasawan ke angkasa menjadi inspirasi kepada yang lain, beliau berkata ia adalah satu lagi contoh kejayaan negara itu.

“Ya, anda menunjukkan contoh yang baik kepada yang lain,” katanya yang juga Wakil Tetap Hungary ke UNESCO.

Menurutnya, negara ini telah melakukan satu keajaiban dalam tempoh 50 tahun.


“Yang lain perlu mengikut langkah anda, bagaimana untuk menguruskan, bagaimana untuk bekerja dan mencapai hasil sedemikian,” kata Lakatos yang mempengerusikan sesi ketika Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menyampaikan ucapan dasarnya, semalam.

Dalam tempoh lapan minit yang diberikan kepada setiap penceramah, Hishammuddin antara lain menonjolkan usaha Malaysia untuk melaksanakan pembangunannya sejak mendapat kemerdekaan 50 tahun lepas.

“Menteri Pelajaran itu berkata beliau tidak boleh memuaskan hati setiap orang dan saya membalasnya bahawa ini adalah hasil yang cemerlang.

“Saya pasti kemajuan cemerlang Malaysia akan menarik perhatian ramai anggota lembaga,” kata Lakatos yang menyifatkan ucapan Hishammuddin adalah yang terbaik untuk hari itu.

Bermesyuarat setiap dua tahun sekali, Persidangan Agung merupa-



HISHAMMUDDIN Tun Hussein menyampaikan ucapan pada Persidangan Agung UNESCO ke-34 di Paris, kelmarin.

kan badan pembuat keputusan, menetapkan dasar-dasar umum dan memperincikan program untuk 193 anggota organisasi itu yang ditubuhkan pada 1946 bagi menggalakkan keamanan dunia.

Sementara itu, Menteri Pelajaran Brunei Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman Taib berkata, negara anggota ASEAN akan mendapat faedah jika Malaysia dipilih menganggotai lembaga eksekutif UNESCO.

“Sudah pasti kepentingan dan kebimbangan ASEAN boleh dikemukakan dalam perspektif yang lebih luas,” katanya.

“Saya yakin Malaysia dapat memainkan peranan itu dan sudah bersedia sepenuhnya dalam menjalankan tugas itu,” katanya mengenai keputusan Malaysia untuk bertanding bagi menganggotai satu kerusi dalam lembaga eksekutif 58 anggota. Pemilihan berlangsung 24 Oktober.

Abdul Rahman berkata Malaysia juga berupaya meningkatkan kerjasama antara UNESCO dan Pertubuhan Menteri-menteri Pelajaran Asia Tenggara (SEAMEO) jika menang.

“Tahun depan giliran Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat SEAMEO.

– *Bernama*